

20/09/1998

Badang negara mampu balas jasa MSN

BADANG negara menamatkan cabaran dalam acara angkat berat di Pusat Antarabangsa The Mines semalam dengan mengekalkan jumlah satu emas, satu perak dan empat gangsa untuk menduduki tempat ketujuh keseluruhan.

Turut hadir menyaksikan saingan terakhir semalam ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, badang tunggal negara, Che Azrol Che Mat, yang beraksi dalam kategori 105kg, gagal menyaingi kekuatan peserta luar.

Dia sekadar menduduki tempat ke-10 keseluruhan dengan mengangkat jumlah bebanan 282.5kg, snatch (122.5kg) dan clean & jerk (160kg).

Tempat pertama kategori itu diungguli peserta Kanada apabila membolot ketiga-tiga emas dengan jumlah bebanan (360kg), snatch (167.5kg) dan clean & jerk (192.5kg).

Dalam kategori melebihi 105kg, Malaysia tidak menghantar sebarang wakil. Peserta Kanada, Darren Lidded, menungguli acara itu dengan membolot ketiga-tiga emas dengan jumlah angkatan 367.5kg.

Bagaimanapun, jumlah pungutan pingat untuk skuad negara sudah dianggap baik kerana berjaya menamatkan penantian separuh abad dengan meraih sebutir emas biarpun gagal menepati sasaran dua emas.

Pengurus pasukan, Abu Hanapah Ismail, berkata peserta sudah mencuba sedaya-upaya serta mempamerkan angkatan terbaik masing-masing tetapi beberapa faktor menyebabkan sasaran yang ditetapkan gagal dicapai.

"Mereka sudah cuba memberi yang terbaik serta mempamerkan semangat jitu untuk menyaingi peserta luar. Apapun, kita gembira dengan pencapaian ini serta semangat yang dipamerkan peserta," katanya.

Sementara itu, Australia mempertahankan kejuaraan yang dimenangi di Victoria dengan meraih enam emas, empat perak dan enam gangsa manakala Kanada di tempat kedua dengan 5-1-2.